

## **MASALAH KEBERSIHAN KAWASAN PELANCONGAN: KAJIAN KES DI PUSAT REKREASI PULAU CHEKAS, RAUB, PAHANG**

*(Tourism Area Cleanliness Problems: Case Research at Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Raub Pahang)*

Norsahida Ismail, Zurinah Tahir, Mohd Yusof Hussain\*, Jalaluddin Abdul Malek

### **ABSTRAK**

Pelancongan adalah suatu kajian manusia yang bertentangan dengan habitat semula jadi mereka serta penglibatan industri yang bertindak balas kepada keperluan mereka, dan memberi kesan ke atas diri mereka dan industri itu daripada sudut sosiobudaya, ekonomi dan persekitaran. Sesuatu kawasan pelancongan tersebut tidak akan berjalan dengan lancar sekiranya persekitaran tersebut mempunyai masalah kebersihan dan penyelenggaraan tidak diurus dengan baik. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti masalah kebersihan yang timbul di kawasan kajian iaitu di Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Raub, Pahang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah penyelenggaraan kebersihan, dan menganalisis langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kebersihan di kawasan tersebut. Kaedah kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang melibatkan edaran soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 140 orang pengunjung pusat rekreasi tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa rata-rata pengunjung berpendapat bahawa persekitaran kawasan pusat rekreasi tersebut tidak berada dalam keadaan bersih ekoran longgokan sampah yang tidak diurus dengan baik. Masalah kebersihan di kawasan tersebut perlu diambil perhatian oleh pihak yang sepatutnya dan kerjasama para pengunjung juga sangat dititikberatkan. Oleh itu, kebersihan kawasan rekreasi perlulah dijaga supaya dapat memberi keselesaan kepada para pengunjung di samping dapat memelihara khazanah alam semulajadi. Hal ini juga dapat menjaga imej pusat rekreasi supaya dapat menarik lebih ramai para pengunjung untuk mengunjungi pusat rekreasi dan memperkenalkannya kepada negara luar. Secara keseluruhan, kajian ini dapat mengenalpasti tahap kebersihan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas kerana kawasan rekreasi tersebut merupakan salah satu destinasi tumpuan pengunjung kerana kejernihan air sungai semulajadinya. Hasil kajian yang diperolehi akan dapat membantu dijadikan sebagai panduan bagi penyelenggaraan dalam mengatasi masalah kebersihan di pusat rekreasi.

**Kata kunci:** *Masalah, Kebersihan, Pelancongan, Persekitaran, Pusat Rekreasi Pulau Chekas*

### **ABSTRACT**

Tourism is an industry that is often in conflict with the natural environment, giving rise to undesirable consequences that have an impact on the socio-culture, the economy and the environment. A touristy area cannot be sustained if its surroundings suffer from a lack of cleanliness because of poor maintenance. This study is undertaken to identify problems

related to maintaining cleanliness of the Chekas Island Recreational Center in Raub, Pahang. It seeks to determine the steps needed to raise the level of cleanliness in the study area. The study involved bibliographical as well as field research with feedback from a questionnaire survey involving 140 visitors to the recreational center. The study results indicated that visitors did not consider the center as being well managed, with rubbish strewn over the place. Hence, the issue of cleanliness in the area needs to be addressed by the relevant authorities, while visitors themselves also have a role to play in this regard. Tidiness of the center would provide visitors with a pleasant experience and would also promote the natural beauty of the area. With its attractions enhanced, more visitors to the recreational center can be expected, and it can become better known abroad. The assessment of the cleanliness of this center in the present study is important so that it can remain as a key destination for tourists who are drawn to the crystal clear water of the river, among its various natural attractions. The study results would serve as a guide for the maintenance of the area, and in addressing issues connected with the cleanliness of this recreational center.

**Keywords:** Problems, Cleanliness, Tourism, Environment, Chekas Island Recreation Center

## **PENGENALAN**

Pelancongan menjadi suatu bidang pelaburan baru yang dapat memacu pertumbuhan industri-industri lain yang berperanan sebagai wahana dalam pembangunan Malaysia ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Dalam sistem pelancongan, aspek yang perlu diberi penekanan adalah kewujudan pelancong, pembekal barangan ataupun perkhidmatan pelancongan, kerajaan dan tuan rumah destinasi yang terpilih. Dalam erti kata lain, keempat-empat elemen ini perlu terlibat dalam mewujudkan sebuah industri pelancongan. Apabila seseorang individu itu melancong, bermakna mereka adalah pelancong yang memerlukan perkhidmatan seperti penginapan dan pengangkutan (Hashimah 2013).

Negara Malaysia amat bertuah kerana mempunyai alam semulajadi yang indah, unik dan pelbagai seperti hutan hujan tropika, iklim dan cuaca yang tidak melampau, banjaran gunung, pulau dan pantai serta pelbagai spesies flora dan fauna. Dalam rangka mencapai kemajuan hidup dan pembangunan, manusia amat bergantung kepada sumber semulajadi di mana hampir kesemua aktiviti yang dijalankan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung akan melibatkan penggunaan sumber semulajadi. Pertambahan penduduk, peningkatan kualiti hidup dan keperluan sentiasa berada di paras yang tinggi serta proses globalisasi kini telah meningkatkan lagi kadar penggunaan sumber semula jadi (Jamaluddin 2009).

Jafari (1977) mendefinisikan pelancongan sebagai, “suatu kajian manusia yang bertentangan dengan habitat semula jadi mereka serta penglibatan industri yang bertindak balas pada keperluan mereka, dan juga kesan ke atas diri mereka dan industri itu daripada sudut sosiobudaya, ekonomi dan persekitaran. Pelancong biasanya mempunyai motivasi yang berbeza yang mendorong mereka untuk melancong seperti terdapat pelancong yang melancong bertujuan untuk menambah minat dalam kehidupan dan pelancong yang melancong sekadar untuk memenuhi keperluan untuk berehat dan mengenali diri sendiri. Pelancong yang mempunyai motivasi yang berbeza mendorong seseorang untuk melancong dan mempengaruhi kehendak terhadap lawatan yang dilakukan seperti pelancong yang merasakan hidup terlalu pendek berkecenderungan untuk mencuba segala aktiviti dan

melawati destinasi-destinasi yang sukar didapati serta untuk memperoleh pengalaman yang baru.

Selain itu, pelancong biasanya melancong ke suatu destinasi bertujuan memenuhi beberapa aktiviti antaranya tujuan perniagaan, melawat kawan dan keluarga atau serta berhibur. Tujuan mereka melancong ini seterusnya mewujudkan kategori dan jenis pelancong dalam industri pelancongan. (Hashimah 2013). Jaffry dan Azlina (2009) mendefinisikan pelancongan sebagai suatu kegiatan ekonomi yang mendatangkan pendapatan lumayan kepada sesebuah negara. Hakikatnya, banyak kawasan-kawasan pelancongan yang baru dibuka untuk tatapan pengunjung dari masa ke semasa di samping memberi pendedahan baru tentang tempat-tempat pelancongan. Namun begitu, kemajuan sesuatu pelancongan tidak akan berjalan lancar sekiranya persekitaran kawasan rekreasi tersebut tidak menarik. Kerosotan kualiti persekitaran yang kotor akan mempengaruhi aktiviti pelancongan terutama di kawasan rekreasi. Sikap sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab menyumbang kepada berlakunya kerosotan persekitaran. Rata-rata mereka menganggap bahawa mencemarkan persekitaran adalah sesuatu yang biasa ataupun kecil walhal mereka tidak mengetahui kesan di sebalik pencemaran tersebut.

Kesedaran kerajaan tentang kelebihan yang ada secara semula jadi dalam negara memberi keyakinan kepada pembangunan industri ini. Antara kelebihan Malaysia adalah keunikan dan keindahan panorama pantai yang cantik serta kepelbagaian sumber semula jadi daratan dan lautan yang memikat hati pelancong untuk meluangkan masa riadah dan percutian bersama keluarga serta rakan-rakan. Salah satu kawasan rekreasi yang sering mendapat kunjungan ramai daripada kalangan komuniti adalah Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Ulu Dong, Raub, Pahang. Pusat Rekreasi Pulau Chekas merupakan aset terpenting bagi Kampung Peruas kerana air sungainya yang bersih, tidak tercemar, selain keindahan semulajadi yang indah, dikelilingi hutan hujan tropika serta deruan air terjun yang sangat cantik dan mendamaikan.

Industri pelancongan merupakan salah satu sumber utama yang menyumbang kepada penjana pendapatan negara Malaysia. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan kerajaan untuk meningkatkan kedatangan pelancong luar ke Malaysia. Menteri Pelancongan menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan Malaysia akan menggunakan pelbagai pendekatan untuk mencapai sasaran kedatangan pelancong asing seramai 20 juta orang ke negara ini pada tahun ini termasuk menganjurkan pelbagai program dan acara menarik di seluruh negara sebagai inisiatif tambahan (Nasruddin & Bushra 2012). Meskipun pembangunan pelancongan berkembang dengan pesat, masih terdapat beberapa kesan negatif kepada alam sekitar.

Kajian Jamaluddin (2009) menjelaskan bahawa pembangunan pelancongan yang berlebihan dan tidak dirancang dengan baik memberi kesan kepada persekitaran fizikal sesuatu destinasi. Pembangunan aktiviti peranginan dan rekreasi parapelancong sebenarnya boleh mendatangkan impak daripada aspek fizikal, sosial dan estetik. Keadaan ini dapat dilihat di sekitar kawasan kajian di mana keadaan persekitarannya sudah tercemar ekoran masalah kebersihan yang berlaku di kawasan tersebut disebabkan oleh sikap sesetengah individu itu sendiri.

Isu alam sekitar sangat berkait rapat dengan sikap pelancong. Alam sekitar yang tidak disentuh oleh manusia mempunyai sistemnya sendiri untuk mengekalkan ciri-ciri semulajadi alam. Namun, apabila sumbernya digunakan oleh manusia, sudah tentu banyak perubahan yang berlaku dan sikap pelancong yang tidak menghargai dan mencintai alam menyebabkan

berlakunya masalah alam sekitar yang tidak dapat dielakkan seperti yang dibuktikan oleh Mohd Azlan et al. (2012).

Rosniza et al. (2016) menjelaskan bahawa alam sekitar adalah persekitaran fizikal bagi sesebuah operasi pelancongan. Ini termasuklah iklim, landskap dan sumber semulajadi. Daya tarikan sesuatu destinasi pelancongan dan rekreasi seringkali dikaitkan dengan keindahan alam semulajadi dan kebersihan sesuatu kawasan tersebut. Alam semula jadi mempunyai pelbagai bentuk penawaran dan keindahannya yang tersendiri. Selain daripada menjadi sumber inspirasi secara spiritual, ianya juga menjadi daya tarikan untuk melakukan pelbagai jenis aktiviti rekreasi untuk merehatkan minda dan menyihatkan jasmani. Oleh itu, keperluan kawasan rekreasi yang berkualiti adalah sangat diperlukan oleh pengunjung bagi menyediakan keperluan rehat dan berekreasi bagi mengurangkan tekanan perasaan dan fikiran sama ada secara bersendirian, berkumpul atau berkeluarga di kawasan rekreasi yang selesa, selamat serta bebas dari pencemaran.

Pusat Rekreasi Pulau Chekas merupakan salah satu kawasan rekreasi yang sering mendapat kunjungan ramai pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara. Kedudukannya yang sangat strategik membolehkan kawasan tersebut dibangunkan sebagai kawasan rekreasi. Kejernihan air yang mengalir menarik minat pengunjung untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan untuk beristirahat bersama keluarga.

Namun begitu, sikap sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab menyebabkan persekitaran kawasan rekreasi tersebut tercemar. Di samping itu, penyelenggaraan kebersihan yang kurang efisien di kawasan sekitar terutamanya tandas menjadikan keadaan persekitaran kelihatan tercemar dan berbau busuk serta mengundang kepada kehadiran serangga seperti lebah. Maka kajian ini memfokuskan kepada mengenalpasti masalah penyelenggaraan kebersihan, faktor berlakunya masalah penyelenggaraan kebersihan dan langkah untuk mengatasinya.

## **KAJIAN LITERATUR**

Pelancongan adalah gerakan sementara manusia ke destinasi lain di luar tempat kerja dan tempat tinggalnya yang biasa, kegiatan yang mereka lakukan selama tinggal di destinasi tersebut dan kemudahan yang disediakan untuk memenuhi keperluan mereka. Pelancongan dianggap sebagai satu kemewahan, hal ini kerana hanya segelintir orang yang mempunyai masa dan wang sahaja mampu melancong seperti yang dikaji oleh Hashim (2013).

Rosniza Aznie CR et al. 2012 menjelaskan bahawa pelancongan sebagai suatu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu pelancong, elemen kawasan iaitu kawasan asal, kawasan persinggahan dan kawasan destinasi yang terpilih, elemen ekonomi iaitu industri pelancongan dan elemen dinamik iaitu terdiri daripada individu yang mengembara bagi tujuan berehat jauh dari tempat asal mereka selama lebih kurang satu hari.

Perumal C. et al. (2016) membuktikan bahawa industri pelancongan di Malaysia merupakan salah satu sektor yang menjadi peneraju utama dalam pembangunan ekonomi negara pada masa kini. Industri ini telah dikategorikan sebagai salah satu dari 12 Bidang Ekonomi Utama Negara yang telah dikenalpasti oleh kerajaan sebagai bidang utama yang menyumbang terhadap pencapaian kemajuan ekonomi sejagat. Industri pelancongan menjadi tumpuan kerajaan di atas keupayaan sektor ini mampu menjana pulangan yang lumayan serta membuka peluang pekerjaan kepada rakyat terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

Menurut Suyadi (2015), pengunjung ialah kegiatan perjalanan yang dilakukan oleh seseorang atau sekelompok orang dengan mengunjungi tempat tertentu untuk tujuan rekreasi, pengembangan pribadi, atau mempelajari keunikan daya tarikan kawasan pelancongan yang dikunjungi dalam jangka waktu sementara.

Kawasan rekreasi adalah tempat yang disediakan untuk menjalankan aktiviti rekreasi, iaitu rekreasi aktif atau pasif yang terdiri daripada pelbagai taman riadah berasaskan konsep rangkaian taman riadah awam adalah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Namun, terdapat juga kawasan rekreasi yang dibangunkan oleh pihak swasta seperti taman tema dan golf iaitu rekreasi swasta yang berbayar. seperti yang dikaji oleh Zaleha (2010).

Kajian Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah dan Mazdi Marzuki (2018), pembangunan yang tidak seimbang dengan tuntutan alam sekitar menyebabkan timbulnya pelbagai impak terhadap kehidupan dan alam sekitar. Kerakusan manusia dalam mengejar keuntungan tanpa mengambil kira faktor alam sekitar menyebabkan mereka mengabaikan kepentingan alam sekitar sekaligus memusnahkan khazanah yang berharga ini. Proses pembangunan merupakan aktiviti yang melibatkan perhubungan antara manusia dan alam sekitar serta perlu dijalankan bagi memenuhi keperluan penduduk dan negara selaras dengan peredaran masa. Pembangunan sesebuah kawasan biasanya dilihat berasaskan kepada kemajuan ekonomi, kemudahan infrastruktur, kemudahan sosial dan budaya. Kerosotan kualiti air juga akan menyebabkan bekalan air yang disalurkan tidak berkualiti dan penduduk terpaksa menerima air yang kurang bersih.

Kajian Jamilah et al. (2011) menjelaskan bahawa pendidikan dilihat sebagai cara terbaik bagi membentuk generasi yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar. Matlamat pendidikan alam sekitar adalah untuk membentuk masyarakat yang lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar serta memperoleh pengetahuan, kemahiran, nilai dan komitmen untuk berusaha dan bertindak secara individu atau bersama ke arah penyelesaian isu-isu alam sekitar.

Pendidikan alam sekitar juga merupakan asas bagi mewujudkan masyarakat yang mempunyai kesedaran terhadap alam sekitar, dengan itu akan dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang lebih beretika. Memandangkan masalah alam sekitar yang semakin meningkat dan meruncing, maka keperluan untuk melahirkan masyarakat yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar turut mendesak. Implementasi pendidikan alam sekitar diharap dapat memberikan pengetahuan kepada masyarakat. Dengan membekalkan pengetahuan akan meningkatkan kesedaran dan keprihatinan dari segi sikap seterusnya akan melahirkan individu yang mempunyai tingkah laku yang lebih positif terhadap alam sekitar.

Menurut Rosniza Aznie CR et al. (2016), alam sekitar adalah persekitaran fizikal bagi sesebuah operasi pelancongan. Ini termasuklah iklim, landskap dan sumber semula jadi. Daya tarikan sesuatu destinasi pelancongan dan rekreasi selalunya dikaitkan dengan keindahan alam semula jadi sesuatu kawasan tersebut. Alam semula jadi mempunyai pelbagai bentuk penawaran dan keindahannya yang tersendiri. Selain daripada menjadi sumber inspirasi secara spiritual, ia juga menjadi daya tarikan untuk melakukan pelbagai jenis aktiviti rekreasi untuk merehatkan minda dan menyihatkan jasmani.

Selain itu, kemudahan rekreasi berdasarkan kepada suasanamu jadi bagi sesuatu kawasan atau yang mempunyai ciri-ciri tertentu bagi memenuhi keperluan fizikal, sosial atau psikologi masyarakat serta pengunjung sebagai tempat untuk memupuk integrasi di antara kaum di dalam sesebuah pusat bandar.

Tambahan lagi, dengan adanya dataran yang dikhaskan untuk berekreasi ianya dapat memberikan keseimbangan pembangunan di dalam pusat bandar. Nilai sesuatu aktiviti rekreasi adalah berdasarkan kepada bentuk fizikal, emosi, sosial, intelektual dan spiritual. Oleh itu, keperluan kawasan rekreasi yang berkualiti adalah sangat diperlukan oleh pengunjung, pengusaha dan penduduknya bagi menyediakan keperluan rehat dan berekreasi bagi mengurangkan tekanan perasaan dan fikiran dengan menjalankan latihan jasmani samaada pasif atau aktif secara bersendirian, berkumpul atau berkeluarga di kawasan rekreasi yang selesa, selamat serta bebas dari pencemaran. at bandar adalah diperlukan bagi menyediakan kawasan rekreasi kepada masyarakatnya.

Hasil kajian Mohd Azlan et al. (2012) menjelaskan bahawa alam sekitar yang mengalami transformasi akibat penggunaan sumbernya oleh manusia seringkali diambil ringan oleh pihak-pihak terbabit tentang kesan-kesannya, terutama sekali dalam jangka masa yang panjang. Dalam keghairahan menyediakan pelbagai kemudahan bagi memenuhi keperluan dan permintaan penduduk oleh pihak berkuasa dan pihak swasta yang mengutamakan keuntungan serta sikap sambil lewa orang awam sebagai pengguna, seringkali kesan langsung dan sampingan ke atas ruang yang diusahakan atau dimajukan telah menimbulkan kebimbangan kepada pihak pencinta alam. Bertitik tolak daripada premis bahawa alam sekitar yang dimanfaatkan oleh penduduk manusia wajar dipulih dan dipelihara, justeru tindakan penilaian dan pemantauan menjadi mandatori ke atas apa yang telah berubah dan diubah.

Dalam kajian Er et al. (2011), pelbagai faktor menyebabkan pengurusan alam sekitar kurang diambil berat. Antaranya ialah aktiviti ekonomi dengan wujudnya pelbagai sektor industri menyebabkan berlakunya degradasi alam sekitar. Kesungguhan kerajaan dalam pengembangan kawasan industri bukanlah suatu hal yang menghairankan kerana impak positif dan keuntungan yang diperoleh dari pengembangan kawasan industri adalah untuk perkembangan kawasan persekitarannya. Keuntungan pertama yang dapat diperoleh dari pengembangan kawasan industri adalah untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi seiring dengan matlamat yang telah ditetapkan.

Leonardi Paris H. et al. (2017), hasil daripada pemerhatian beliau menjelaskan bahawa kebersihan di daerah Kawah Ijen tidak memuaskan ekoran lambakan sampah sarap yang berselerakan di merata-rata tempat. Hal ini kerana tempat pembuangan sampah tidak diurus dengan baik dan jarak antara tempat pembuangan sampah adalah jauh. Keadaan ini turut berkait dengan sikap pengunjung yang gemar membuang sampah di merata-rata tempat sewaktu dalam perjalanan menuju ke puncak Kawah Ijen. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh petugas setempat, keadaan ini telah lama berlaku dan tiada tindakan serius yang diambil. Petugas tersebut berpendapat bahawa keadaan ini berlaku kerana pengurusan tempat pelancongan adalah lemah meskipun hal berkaitan kebersihan tersebut telah lama disuarakan.

Menurut Muhammad Ikhtiar (2017), tempat pembuangan sampah yang tersedia mestilah dalam keadaan bertutup, kedap air, dan mestilah mencukupi. Seterusnya, pungutan sampah haruslah dilakukan setiap hari sehingga tiada lagi longgokan sampah. Hal ini kerana kebersihan adalah penting bagi mencegah penyakit berjangkit, mengelakkan bau yang kurang menyenangkan, dan menghindari pencemaran alam sekitar.

Berdasarkan kajian Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah dan Mazdi Marzuki (2018), pengurusan sampah sarap secara sistematik adalah penting bagi menjaga kebersihan alam sekitar. Pengurusan ini perlu bagi mengelakkan berlakunya pencemaran akibat pembuangan

sisanya pepejal tanpa terkawal. Pembuangan sisa pepejal terutama daripada buangan domestik boleh mengakibatkan timbulnya pelbagai masalah seperti pencemaran bau (udara), tanah, air dan mendedahkan kepada pembiakan vektor pembawa penyakit. Walaupun pengurusan sampah sarap telah dilakukan oleh pihak MDTM dengan bersungguh-sungguh, pencemaran ekoran daripada pembuangan sampah sarap oleh segelintir pihak nyata berlaku terutama di kawasan perumahan. Kurangnya keprihatinan masyarakat tentang alam sekitar menyebabkan mereka membuang sampah sesuka hati. Ini jelas dapat dilihat di kawasan gerai dan kedai makan, banyak sisa makanan dan plastik pembungkus dibuang ke dalam longkang. Pembuangan sampah ini juga dapat dilihat di kawasan tumpuan orang ramai seperti di longkang-longkang sekitar stesen bas, pasar besar dan sekitar bandar turut memberi impak kepada kecantikan persekitaran dan kualiti udara sekitarnya.

Dalam kajian beliau lagi, salah satu punca pencemaran ialah kurangnya kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan menjaga alam sekitar di kalangan penduduk setempat. Sehubungan dengan itu, satu kempen kesedaran perlu dilakukan kepada penduduk setempat oleh pihak yang berkenaan tentang pentingnya menjaga kebersihan dan keselamatan harta benda dan nyawa supaya hidup lebih sihat dan keharmonian hidup bermasyarakat dapat di tingkatkan dan dipelihara. Kempen boleh dilaksanakan melalui iklan-iklan yang ditampalkan di tempat umum, ceramah dan penerangan kepada penduduk, kursus kebersihan kepada pengusaha gerai makan dan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Raub, Pahang. Kajian ini mensasarkan kepada para pengunjung yang mengunjungi pusat rekreasi tersebut sama ada dari kampung berdekatan ataupun dari luar Daerah Raub. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak mudah melalui edaran borang soal selidik kepada 140 orang responden di pusat rekreasi tersebut. Untuk menentukan jumlah responden pula, model persampelan yang digunakan adalah daripada Krejcie dan Morgan (1970).

Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah data primer dan data sekunder untuk menghasilkan suatu kajian yang baik. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Teknik ini digunakan untuk mengumpul data responden melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden di kawasan kajian. Data-data yang diperolehi melalui edaran borang soal selidik merupakan data yang terkini bagi menepati kajian.

### **Soal Selidik**

Borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan data-data berkaitan kajian yang dijalankan. Soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada lima bahagian iaitu Bahagian A yang meliputi profil responden, Bahagian B meliputi masalah penyelenggaraan kebersihan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Bahagian C pula meliputi faktor-faktor berlakunya masalah kebersihan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Bahagian D adalah langkah-langkah meningkatkan tahap kebersihan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas dan bahagian yang terakhir adalah Bahagian E iaitu cadangan.


## Kajian Lapangan

Kajian lapangan dijalankan terhadap pengunjung di Pusat Rekreasi Pulau Chekas. Soal selidik dijalankan selama 3 hari iaitu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad kerana hari tersebut merupakan waktu pengunjung berkunjung ke pusat rekreasi. Responden yang dipilih adalah secara rawak melalui edaran borang soal selidik.

## Lokasi Kajian

Lokasi kawasan kajian adalah di Pusat Rekreasi Pulau Chekas yang terletak di Daerah Raub, Pahang. Pusat rekreasi ini mula mendapat perhatian untuk dijadikan sebagai kawasan rekreasi mulai tahun 1993. Mesyuarat Jawatankuasa Belia 4 B (M) Kampung Peruas, 18 Julai 1993, yang dipengerusikan oleh Encik Amzan Bin Abd. Malik mencadangkan 'Pulau Chekas' dijadikan sebagai kawasan perkhemahan dan ianya telah diusulkan ke Mesyuarat JKKK Kampung Peruas pada Ogos 1993.

Rajah 1: Lokasi Kajian Pusat Rekreasi Pulau Chekas Daerah Raub, Pahang



Nama 'Pulau Chekas' sering dikaitkan dengan kisah dongeng Puteri Tanak iaitu Puteri Bunian yang melarikan diri menyusuri Sungai Dong akibat tidak bersetuju berkahwin dengan Menteri Jarom. Ketika sampai ke pulau ini, beliau sangat penat lalu terlena. Ketika di pulau tersebut, beliau mendapati bahawa kebanyakan binatang yang tinggal di pulau tersebut terdiri daripada binatang yang cergas seperti kijang dan rusa. Penduduk di Kampung Ulu Dong menyebut perkataan 'cergas' sebagai 'cekas' yang memberi maksud yang sama. Oleh itu, beliau memberi nama Pulau Chekas sempena kecergasan binatang tersebut menyeberangi sungai. Pulau ini mula mendapat perhatian untuk dijadikan sebagai kawasan rekreasi mulai tahun 1993. Mesyuarat Jawatankuasa Belia 4 B (M) Kampung Peruas, 18 Julai 1993, yang



dipengerusikan oleh Encik Amzan Bin Abd. Malik mencadangkan 'Pulau Chekas' dijadikan sebagai kawasan perkhemahan dan ianya telah diusulkan ke Mesyuarat JKKK Kampung Peruas pada Ogos 1993. Pada tahun 1994, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Raub telah membuat keputusan untuk memajukan kawasan tersebut sebagai tempat rekreasi dan juga aktiviti penduduk kampung. Pulau Chekas dibangunkan dengan bantuan JPS serta penduduk kampung secara bergotong-royong dengan membangunkan kawasan dan membina kemudahan asas seperti jambatan, tandas, dan bilik persalinan bermula pada tahun 1994 sehingga tahun 2003. Kini, dengan kemudahan-kemudahan asas yang hampir mencukupi serta landskap yang menarik di samping kualiti air sungai yang bersih, Pulau Chekas semakin dikenali di Daerah Raub, Negeri Pahang, Malaysia, dan antarabangsa.

## **HASIL KAJIAN**

### **Masalah Penyelenggaraan Kebersihan Di Pusat Rekreasi Pulau Chekas**

Bahagian ini mengenalpasti masalah penyelenggaraan kebersihan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas. Analisis dibahagikan mengikut subtopik dan data yang diperoleh adalah dalam bentuk peratus mengikut skala likert yang telah ditetapkan seperti sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), berkecuali (B), setuju (S), sangat setuju (SS). Hasil kajian yang diperoleh kemudiannya diukur berdasarkan interpretasi skor min untuk menunjukkan tahap penilaian responden terhadap soalan yang dikemukakan. Pengkaji menggunakan petunjuk interpretasi data yang disediakan oleh Jamil Ahmad (1993) iaitu skor min 1.00 hingga 2.33 mewakili tahap rendah, skor min 2.34 hingga 3.66 mewakili tahap sederhana dan skor min 3.67 hingga 5.00 mewakili tahap tinggi. Jumlah responden yang menjawab edaran borang soal selidik adalah seramai 140 orang di mana kesemua responden merupakan pengunjung di Pusat Rekreasi Pulau Chekas. Keseluruhan pernyataan menunjukkan skor min berada pada tahap tinggi.

Skor min bagi kebersihan persekitaran adalah 4.56 iaitu pada pernyataan jadual kutipan sampah yang tidak teratur. Hal ini dapat dilihat apabila berlakunya longgokan sampah yang sangat banyak disekitar kawasan rekreasi. Seramai 1 orang responden bersamaan dengan 0.7% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Namun, seramai 60 orang bersetuju dan 79 orang sangat setuju dengan pernyataan. Masing-masing adalah 42.9% dan 56.4%. Seterusnya, pernyataan kurang pemantauan kutipan sampah menunjukkan skor min 4.28. Kadar peratusan bagi responden tidak setuju adalah 1.4% bersamaan dengan 2 orang responden, 67.9% responden bersetuju (95 orang), dan 30.7% responden sangat setuju iaitu bersamaan dengan 43 orang. Selain itu, bagi pernyataan tidak ada pemeriksaan berjadual dilakukan menunjukkan skor min 4.36. Hasil kajian mendapati bahawa seramai 1 orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu 0.7%, diikuti dengan 86 orang responden (61.4%) bersetuju dan 53 orang responden (37.9%) sangat setuju. Keadaan kebersihan persekitaran yang dipenuhi dengan longgokan sampah mencatatkan pemandangan pengunjung tatkala mengunjungi kawasan rekreasi tersebut.

Seterusnya ialah masalah dari segi kebersihan tandas yang menunjukkan skor min berada pada tahap tinggi. Bagi pernyataan tandas kotor, skor min yang ditunjukkan ialah 4.36 di mana kadar peratusan responden yang bersetuju ialah 63.6% bersamaan dengan 89 orang dan 36.4% bersamaan dengan 51 orang. Seterusnya, skor min bagi pintu tandas tidak dibaiki ialah 4.49. Responden yang tidak bersetuju dan berkecuali dengan pernyataan tersebut ialah

seramai seorang dengan masing-masing menunjukkan kadar peratusan yang sama iaitu 0.7%. Seramai 66 orang responden bersamaan dengan 47.1% bersetuju dengan pernyataan tersebut dan 72 orang responden sangat setuju dengan kadar peratusan sebanyak 51.4%. Tandas tersumbat dan menyukarkan pengunjung menunjukkan skor min 4.30. Kadar peratusan bagi skala berkecuali ialah 0.7% bersamaan dengan seorang responden manakala bagi responden yang bersetuju dan sangat setuju adalah 68.6% (96 orang) dan 30.7% (43 orang). Kebersihan tandas di kawasan rekreasi seharusnya diberi perhatian dan pemantauan yang rapi kerana tandas merupakan kemudahan utama yang digunakan oleh pengunjung.

Kebersihan longkang turut menjadi masalah di Pusat Rekreasi Pulau Chekas. Skor min bagi kebersihan longkang juga berada pada tahap tinggi. Responden yang bersetuju dengan pernyataan longkang di kawasan rekreasi sering tersumbat akibat pembuangan sampah-sarap oleh individu yang tidak bertanggungjawab adalah seramai 76 orang bersamaan dengan 54.3% dan responden yang sangat setuju adalah seramai 64 orang dengan kadar peratusan sebanyak 45.7%. Skor min bagi pernyataan tersebut ialah 4.46. Skor min bagi pernyataan kurang pemantauan tentang penyelenggaraan longkang adalah 4.42 di mana kadar peratusan bagi responden yang memilih skala berkecuali adalah seorang iaitu 0.7%. Responden yang bersetuju adalah seramai 76 orang (54.3%) manakala responden yang sangat setuju adalah seramai 63 orang (45.0%). Longkang yang tidak diselenggara dengan baik menunjukkan skor min 4.32. Kadar peratusan responden yang bersetuju adalah 67.9% dengan jumlah bilangan responden seramai 95 orang daripada 140 orang manakala 32.1% responden sangat setuju dengan jumlah bilangan 45 orang. Seterusnya, jumlah responden yang bersetuju dengan pernyataan air longkang tidak dapat mengalir dengan baik dan mengeluarkan bau yang busuk adalah seramai 91 orang dengan kadar peratusan sebanyak 65.0% dan responden yang sangat setuju adalah seramai 49 orang bersamaan dengan 35.0%. Skor min bagi pernyataan tersebut adalah 4.35. Kebersihan longkang turut menjadi masalah kerana ia tidak diselenggara dengan baik dan memberi kesan kepada alam sekitar. Keadaan ini akan menyebabkan berlaku masalah sistem perparitan yang akan mengganggu persekitaran kawasan rekreasi.

Jadual 1 : Masalah penyelenggaraan kebersihan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas

Pernyataan	Peratusan (%)					Skor Min
	STS	TS	B	S	SS	
<b>1. Kebersihan Persekitaran</b>						
Kurang pemantauan kutipan sampah		1.4		67.9	30.7	4.28
Jadual kutipan sampah yang tidak teratur		0.7		42.9	56.4	4.56
Tidak ada pemeriksaan berjadual dilakukan		0.7		61.4	37.9	4.36
<b>2. Kebersihan Tandas</b>						
i. Tandas kotor				63.6	36.4	4.36
Pintu tandas tidak dibaiki		0.7	0.7	47.1	51.4	4.49
Tandas tersumbat menyukarkan pengunjung			0.7	68.6	30.7	4.30
<b>3. Kebersihan Longkang</b>						
Longkang sering tersumbat akibat pembuangan sampah sarap oleh individu yang tidak				54.3	45.7	4.46

bertanggungjawab				
Kurang pemantauan tentang penyelenggaraan longkang	0.7	54.3	45.0	4.42
Longkang tidak diselenggara dengan baik		67.9	32.1	4.32
Air longkang tidak dapat mengalir dengan baik dan mengeluarkan bau yang busuk		65.0	35.0	4.32

Sumber : Kajian Lapangan (2019)

Langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan tahap kebersihan di pusat rekreasi Pulau Chekas dijelaskan dalam bahagian ini. Data yang diperoleh adalah dalam bentuk peratus mengikut skala likert yang telah ditetapkan seperti sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), berkecuali (B), setuju (S), sangat setuju (SS). Hasil analisis bagi keseluruhan pernyataan menunjukkan skor min berada pada tahap tinggi.

Salah satu langkah yang diambil adalah dengan mengenakan bayaran masuk kepada para pengunjung. Bayaran masuk perlu dikenakan kepada para pengunjung supaya bayaran tersebut dapat digunakan sebagai kos untuk membiayai penyelenggaraan kemudahan awam. Seramai 80 orang responden bersetuju dengan kadar peratusan sebanyak 57.1% dan 60 orang responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut iaitu bersamaan dengan 42.9%. Skor min bagi pernyataan tersebut adalah 4.43 iaitu berada pada tahap tinggi. 60.7% responden sangat setuju dengan pernyataan pada pendapat saya, bayaran yang dikenakan dapat meningkatkan kualiti kemudahan awam iaitu seramai 85 orang dan 55 orang bersetuju iaitu bersamaan dengan 39.3%. Pernyataan pada pendapat saya, bayaran yang dikenakan dapat meningkatkan kualiti kemudahan awam menunjukkan skor min 4.61 iaitu berada pada tahap tinggi. Skor min bagi pernyataan mengenakan bayaran sebanyak RM2.00 bagi setiap pengunjung menunjukkan skor min berada pada tahap sederhana iaitu 3.56. Hal ini kerana seramai 41 orang responden iaitu bersamaan dengan 29.3% tidak bersetuju sekiranya bayaran dikenakan kepada para pengunjung. Namun, 78 orang responden bersamaan dengan 55.7% bersetuju dan 21 orang bersamaan dengan 15.0% sekiranya bayaran dikenakan. Menurut pengunjung, bayaran yang dikenakan adalah terlalu mahal bagi mereka.

Selain itu, memelihara sungai yang tercemar dengan memasang perangkap sampah di hilir sungai supaya sungai dapat dibersihkan menunjukkan skor min berada pada tahap tinggi iaitu 4.02. Terdapat 4 orang daripada 140 orang responden tidak bersetuju iaitu bersamaan dengan 2.4% sekiranya perangkap sampah dipasang. Namun golongan yang bersetuju adalah lebih ramai iaitu 125 orang bersamaan dengan 89.3% dan 11 orang responden sangat setuju iaitu bersamaan dengan 7.9%. Langkah seterusnya ialah kerap menjalankan ujian terhadap kualiti air supaya tahap kebersihan air dapat dipelihara. Ujian air perlu sentiasa dilakukan supaya tahap kebersihan air dapat diketahui samada bersih ataupun tidak. Skor min menunjukkan pernyataan tersebut berada pada tahap tinggi iaitu 4.31. Responden yang bersetuju adalah seramai 94 orang bersamaan dengan 67.1%, 45 orang sangat bersetuju (32.1) dan seorang responden berkecuali iaitu bersamaan dengan 0.7%. Pernyataan bagi pihak berkuasa perlu sentiasa menganalisa kualiti air bagi mengelakkan wabak penyakit menunjukkan skor min berada pada tahap tinggi iaitu 4.24 dengan kadar peratusan responden yang bersetuju adalah sebanyak 76.4% bersamaan dengan 107 orang manakala 33 orang responden sangat setuju iaitu bersamaan dengan 23.6%. Tahap kualiti air perlu sentiasa dipantau supaya wabak penyakit dapat dikenalpasti dan diatasi dengan kadar segera. Pihak

yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan keadaan sedemikian dapat diatasi dengan segera.

Jadual 2: Langkah-langkah bagi meningkatkan tahap kebersihan di pusat rekreasi Pulau Chekas

Bil	Pernyataan	STS	Peratusan (%)				SKOR MIN
			TS	B	S	SS	
1.	<b>Mengenakan bayaran masuk kepada para pengunjung.</b>						
	i. Bayaran masuk perlu dikenakan kepada para pengunjung supaya bayaran tersebut dapat digunakan sebagai kos untuk membiayai penyelenggaraan kemudahan awam.			57.1	42.9	4.43	
	ii. Pada pendapat saya, bayaran yang dikenakan dapat meningkatkan kualiti kemudahan awam.			39.3	60.7	4.61	
	iii) Mengenakan bayaran sebanyak RM2.00 bagi setiap pengunjung	29.3		55.7	15.0	3.56	
2	<b>Memelihara semula sungai yang tercemar.</b>						
	i) Memasang perangkap sampah di hilir sungai supaya sungai dapat dibersihkan.	2.9		89.3	7.9	4.02	
	ii) Kerap menjalankan ujian terhadap kualiti air supaya tahap kebersihan air dapat dipelihara.		0.7	67.1	32.1	4.31	
	iii) Pihak berkuasa perlu sentiasa menganalisa kualiti air bagi mengelakkan wabak penyakit.			76.4	23.6	4.24	
3.	<b>Mengadakan kempen ‘Cintailah Sungai Kita’ kepada orang ramai</b>						
	i) Perlu untuk meningkatkan kesedaran sivik.			83.6	16.4	4.16	
	ii) Mendidik mereka akan pentingnya menjaga khazanah alam semulajadi.			63.6	36.4	4.36	
	iii) Memberi kesedaran tentang kegunaan harta bersama.			80.7	19.3	4.19	
4.	<b>Menambah bilangan tong sampah bagi mengelakkan longgokkan sampah di tempat yang tidak sepatutnya</b>						
	i) Menambah bilangan tong sampah di kawasan yang sentiasa menjadi tumpuan pengunjung seperti di pondok-pondok rehat.			65.0	35.0	4.35	
	ii) Menambah bilangan tong sampah di sepanjang laluan pengunjung.			47.9	52.1	4.52	
	iii) Menambah bilangan tong sampah di kawasa-kawasan			75.0	25.0	4.25	

lapang.

5. **Menyediakan tempat pelupusan sampah yang strategik.**

i) Menggantikan semula tong sampah atau penutup tong sampah yang rosak dengan segera.

82.1 17.9 4.18

ii) Memastikan kawasan sekitar bersih dan tiada takungan air.

66.4 33.6 4.62

iii) Penyediaan tapak pelupusan sampah yang strategik perlu agar dapat mengelakkan masalah pembiakan lalat dan nyamuk Aedes.

69.3 30.7 4.31

Sumber : Kajian Lapangan\

Kempen ‘Cintailah Sungai Kita’ perlu diadakan kepada orang ramai supaya kesedaran sivik dalam diri dapat ditingkatkan. Hal ini supaya setiap individu sedar akan kepentingan penjagaan alam sekitar di samping menghargai khazanah alam semulajadi yang ada. Pernyataan tersebut menunjukkan skor min berada pada tahap tinggi iaitu 4.16. Majoriti responden bersetuju iaitu seramai 117 orang responden bersamaan dengan 83.6% dan 23 orang responden bersamaan dengan 16.4% sangat setuju. Selain itu, kadar peratusan bagi responden yang bersetuju dengan pernyataan mendidik mereka akan pentingnya menjaga khazanah alam semulajadi adalah sebanyak 63.6% iaitu bersamaan dengan 89 orang dan selebihnya sangat setuju iaitu 36.4% bersamaan dengan 51 orang. Pernyataan yang dinyatakan menunjukkan skor min 4.36 iaitu berada pada tinggi. Melalui kempen tersebut juga dapat memberi kesedaran kepada pengunjung tentang kegunaan harta bersama. Seramai 113 orang responden bersetuju dengan pernyataan bersamaan dengan 80.7% dan 27 orang responden bersamaan dengan 19.3%. Kegunaan harta bersama adalah seperti kemudahan-kemudahan yang disediakan di kawasan rekreasi seperti tandas, permainan kanak-kanak, laluan pejalan kaki, dan sebagainya.

Seramai 115 orang responden iaitu bersamaan dengan 82.1% bersetuju dengan pernyataan menyediakan tapak pelupusan sampah yang strategik dengan menggantikan semula tong sampah atau penutup tong yang telah rosak dengan segera dan 25 orang responden sangat setuju iaitu 17.9%. Skor min bagi pernyataan menggantikan semula tong sampah menunjukkan skor min 4.18 iaitu berada pada tahap tinggi. Selain itu, skor min bagi pernyataan memastikan kawasan sekitar bersih dan tiada takungan air menunjukkan skor min berada pada tahap tinggi iaitu 4.62 dengan kadar peratusan responden yang bersetuju iaitu 66.4% bersamaan dengan 93 orang dan 33.6% responden sangat setuju bersamaan dengan 47 orang. Di samping itu, penyediaan tapak pelupusan sampah yang strategik perlu agar dapat mengelakkan masalah pembiakan lalat dan nyamuk Aedes. Pembiakan nyamuk Aedes boleh terjadi sekiranya terdapat takungan air dan keadaan begitu seharusnya dielakkan. Jumlah responden yang bersetuju adalah seramai 97 orang bersamaan dengan 69.3% manakala seramai 43 orang responden sangat bersetuju bersamaan dengan 30.7%. Skor min bagi pernyataan tersebut adalah 4.31 di mana skor min tersebut berada pada tahap tinggi. Penempatan tapak pelupusan sampah perlulah disediakan dengan rapi supaya keadaan kawasan rekreasi dapat dipelihara.

## KESIMPULAN

Aspek kebersihan di kawasan rekreasi tidak seharusnya dipandang remeh kerana ia melibatkan persekitaran termasuklah komuniti. Persekitaran yang tercemar boleh mengundang kepada merebaknya pelbagai penyakit berjangkit di samping pengekalan khazanah alam semulajadi pada masa akan datang. Selain itu, longgokan sampah-sarap yang tidak diurus dengan baik boleh mengundang kepada kehadiran binatang-binatang buas dan berbisa. Jika berlaku seperti ini, kawasan rekreasi tersebut tidak akan berada dalam keadaan selamat dan bilangan kunjungan daripada para pelancong akan merosot. Pelancongan sememangnya tidak terlepas daripada menyumbang kepada ekonomi dan pembangunan negara. Oleh itu, aspek pelancongan tidak boleh dipandang remeh kerana ia turut mempengaruhi persekitaran serta imej Negara Malaysia. Kesimpulannya, kajian ini dijalankan dapat mengenalpasti tahap dan masalah kebersihan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas kerana kawasan rekreasi tersebut merupakan salah satu destinasi tumpuan pengunjung. Penemuan kajian yang diperoleh sedikit sebanyak dapat membantu dalam mengatasi masalah kebersihan di kawasan pulau rekreasi tersebut.

## RUJUKAN

- Augustine Nnoruka Okeke. (2018). The Importance of Training In Enhancing Quality Service in Hospitality and Tourism Industry In Nigeria. *Journal of Policy and Development Studies*. 11(4).
- Basri Rashid. (2013). Elemen destinasi dan kesan terhadap pengalaman percutian. *Journal of Society and Space*. 9(4); 118-127.
- Cheong Pik Han. (2014). *Penglibatan Komuniti Orang Asli Dalam Sektor Ekopelancongan:Kajian Kes Di Tasik Chini, Pahang*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Lee Chuan. (2006). Sample Size Estimation Using Krejcie and Morgan And Cohen Statistical Power Analysis: A Comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*. 7(2006).
- Er, A.C, Sivapalan Selvadurai, Ardiansyah, Asmadi & Hamzah Jusoh. (2011). Pembangunan Perindustrian Dan Impak Terhadap Ekonomi Lokal Di Dumai, Riau, Indonesia. *Journal of Social Science and Humanities*. 6(2): 302-316.
- Hamidi Ismail & Md Sirat Abu. (2016). Pengaruh aspek pengalaman ekopelancongan terhadap jangkauan kepuasan pelancong di Malaysia: Kajian kes Melaka. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(8); 100-109.
- Jaffry Zakaria & Nor Azlina Hasbullah. (2009). Pelancongan Rekreasi Berasaskan Cabaran Dan Biodiversiti: Isu Dan Konflik. *Persidangan Persekitaran Kebangsaan UKM*. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Januari.
- Jamluddin Md. Jahi. (2009). Pembangunan Pelancongan dan Impaknya terhadap Persekitaran Pinggir Pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*. 10(2); 71-88.
- Md Shafiin Shukor, Norlida Hanim Mohd Salleh & Siti Hajar Idris. (2017). Impak Pembangunan Pelancongan Terhadap Komuniti Pulau: Kajian di Pulau Tioman, Malaysia. *Sains Humanika*. 9(4); 37-47.
- Mohd Azlan Abdullah, Noraziah Ali, Rosniza Aznie Che Rose, Mohd Fuad Mat Jali & Azahan Awang. (2012). Industri pelancongan dan alam sekitar di Port Dickson: Menyorot titik keseimbangan antara permintaan dan penawaran. *Malaysian Journal*

- of Society and Space*. 8(7); 135-146.
- Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah & Mazdi Marzuki. (2018). *Kajian Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar di Lembah Bernam (Tanjong Malim)*.
- Muhammad Alif Indrayana, Rusdarti & Eko Handoyo. (2018). Consciousness and Social Behaviour of Visitors Tourism as a Culture Cares Environment (Case Study Places in Tulungagung District). *Journal of Educational Social Studies*. 7(1).
- Nasruddin Hassan & Bushra Abdul Halim. (2012). Pemodelan Matematik dalam Pengurusan Aktiviti Pelancongan Rekreasi di Wetland Putrajaya. *Sains Malaysiana*. 41(9): 1155–1161.
- Nik Sukry Ramli. (2017). *Tahun Melawat Pahang (2017)*. Portal Rasmi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.
- Norlida Hanim Mohd Salleh, Tamat Sarmidi, Redzuan Othman, Abdul Hamid Jaafar & Raudha Md. Ramli. (2011). Kepuasan dan Kesetiaan Pelancong Domestik Terhadap Destinasi Pelancongan Pulau Kapas. *Journal of Tropical Marine Ecosystem*. 1(2011); 10-12.
- Nurain Sahazali & Er Ah Choy. (2013). Ekopelancongan Di Taman Paya Bakau, Seri Manjung, Perak: Persepsi Penduduk Terhadap Impak Pembangunan. *Malaysian Journal of Society and Space* 9(3):69 - 79.
- Perumal C, Zaini Sakawi & Siti Khatijah Zamhari. (2016). Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(4); 94-108.
- Rosniza Aznie CR, Mohd Azlan Abdullah, Rozaini R, Rosmiza MZ, Abdul Rahim MN, Mohd Fuad MJ & Novel L. (2012). Potensi tarikan ekopelancongan rekreasi di Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) Sungai Klah, Perak. *Malaysian Journal of Society and Space*. 8(7); 125-134.
- Rosniza Aznie CR, Nor Hasyifa A, Rosmiza MZ & Zaini S. (2016). Pengurusan Rekreasi Di Pusat Tumpuan Bandar Bukit Fraser. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 1(2016); 088-096.
- Rosniza Aznie Che Rose, Zainor Nizam Zainal Abidin & Rosmiza M.Z. (2018). Kesedaran komuniti terhadap pengurusan kebersihan dalam kawasan perkampungan homestay di Daerah Temerloh. *Journal of Society and Space*. 14(1); 158-174.
- Suyadi. (2015). Pengaruh Program Sapta Pesona terhadap Peningkatan Pengunjung Obyek Wisata Guci Tegal. *Jurnal Utilitas* 1(2): 2442 – 2241.
- Tamaulina BR. Sembiring. (2014). *Undang-Undang Pengurusan Tanah Dan Perancangan Pembangunan Di Sekitar Sungai-Sungai Di Daerah Langkat Sumatera Utara*. Tesis Dr. Fal, Kolej Undang-Undang Kerajaan Dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.
- Zaini Sakawi, Mohd Hairimi Mohd Ali, Katiman Rostam & Abd Rahim Md Nor. (2010). Impak pengurusan tapak pelupusan ke atas kualiti air sungai di Malaysia: Iktibar dari pengalaman tapak pelupusan Pajam dan Sungai Pajam, Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 6(1): 50-59.
- Zaleha binti Abu Bakar. (2010). *Hutan Bandar Sebagai Taman Rekreasi di Kawasan Perumahan*. *Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi*, Universiti Teknologi Malaysia.

**MAKLUMAT PENULIS**

**NORSAHIDA ISMAIL**

Pelajar Program Sains Pembangunan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
norsahida24@gmail.com

**DR. ZURINAH TAHIR**

Program Sains Pembangunan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
zurinahtahir@ukm.edu.my

**PROF. MADYA DR. MOHD YUSOF HUSSAIN (PENGARANG KORESPONDEN)**

Program Sains Pembangunan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
hmyusoff@ukm.edu.my

**PROF. MADYA DR. JALALUDDIN ABDUL MALEK**

Program Sains Pembangunan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
jbam@ukm.edu.my